

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN
WAN CHIK [BALIK PULAU]**

TARIKH : **26 NOVEMBER 2020 (KHAMIS)**

SOALAN

TUAN MUHAMMAD BAKHTIAR BIN WAN CHIK [BALIK PULAU] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rasional membenarkan PRN Sabah diadakan tanpa SOP yang jelas dan kurang penguatkuasaan terhadap SOP seperti tidak perlu kuarantin 14 hari bagi mereka yang pulang dari Zon Merah.

JAWAPAN

**YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PRU DUN Sabah Ke-16 diadakan berikutan pengisytiharan pembubaran Dewan Undangan Negeri Sabah Ke-15 yang telah diperkenan oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sabah pada 30 Julai 2020. Berdasarkan peruntukan Perkara 21 (4) Bahagian II, Undang-Undang Negeri Sabah "*Apabila Dewan Undangan bubar, suatu pilihan raya umum hendaklah diadakan dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh ia bubar dan Dewan Undangan yang baru itu hendaklah dipanggil bermesyuarat pada suatu tarikh yang tidak lewat daripada dua puluh hari dari tarikh itu.*"

Bagi pelaksanaan PRK DUN Sabah Ke-16, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan

NO. SOALAN : 10

Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah merangka dan menyediakan satu SOP yang jelas iaitu Garis Panduan Pencegahan Covid-19 Bagi Pelaksanaan Pilihan Raya sama ada Pilihan Raya Umum (PRU) atau Pilihan Raya Kecil (PRK).

Garis panduan ini disesuaikan selaras dengan arahan semasa Perintah Kawalan Pergerakan semasa di bawah Akta 342 yang dikuatkuasakan oleh pihak Kerajaan seperti yang telah dilaksanakan dalam pilihan raya sebelumnya iaitu PRK DUN N.23 Chini dan PRK DUN N.58 Slim. Antara langkah pencegahan COVID-19 untuk pelaksanaan pilihan raya adalah seperti berikut:

- i. Pembersihan dan sanitasi di semua premis yang dikenal pasti akan digunakan bagi tujuan pelaksanaan pilihan raya di mana ia perlu dilakukan disinfeksi sebelum dan sebaik sahaja selepas selesai digunakan berdasarkan garis panduan KKM;
- ii. Kawalan kehadiran di setiap premis yang digunakan bagi tujuan pilihan raya adalah pada jumlah paling minima yang mana tidak menjejaskan proses pilihan raya dan mematuhi penjarakan sosial sekurang-kurangnya 1 meter. Selain itu, maklumat kehadiran setiap individu seperti nama dan nombor telefon perlu direkodkan sama menggunakan *QR code* di aplikasi MySejahtera atau catatan buku secara manual;
- iii. Saringan suhu badan untuk semua individu yang hadir di premis-premis yang digunakan bagi tujuan pilihan raya di mana individu yang mempunyai suhu badan melebihi 37.5°C, batuk, sakit tekak atau susah nafas tidak dibenarkan masuk ke premis dan perlu meninggalkan premis dengan segera;
- iv. Penjarakan fizikal di premis perlu dilaksanakan di mana susun atur meja di setiap premis yang digunakan disusun dengan jarak 2 meter manakala jarak antara individu adalah 1 meter;
- v. Penggunaan *hand sanitizer* dan sabun tangan oleh setiap orang yang hadir ke premis sebelum dan selepas selesai urusan bagi tujuan pelaksanaan pilihan raya;

NO. SOALAN : 10

- vi. Penggunaan sarung tangan getah adalah diwajibkan bagi semua petugas pilihan raya dan pegawai SPR yang bertugas bagi setiap proses pilihan raya;
- vii. Penggunaan *face mask* adalah wajib bagi semua individu yang hadir di premis-premis yang digunakan bagi tujuan pelaksanaan pilihan raya; dan
- viii. Pengundi yang bergejala di mana pengundi yang mempunyai suhu badan melebihi 37.5°C, batuk, sakit tekak atau susah nafas hendaklah diasingkan serta-merta daripada pengundi yang lain dan mengundi di tempat khas (khemah khas untuk memangkah).

Walau bagaimanapun, penguakuisaan kuarantin 14 hari bagi mereka yang pulang dari Zon Merah adalah tertakluk kepada arahan semasa Kerajaan berdasarkan Perintah Kawalan Pergerakan di bawah Akta 342.

Sekian, terima kasih.